

21/10/2003

Bayar bonus diumumkan akhir bulan

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengumumkan tarikh pembayaran bonus kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam sebelum akhir bulan ini, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

"Insya-Allah, sebelum akhir bulan ini kita akan umumkan kaedah pembayaran dan tarikhnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Kualiti Jabatan Akauntan Negara, di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004 bulan lalu, mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam.

Ketika membentangkan pakej strategi baru pada Mei lalu, kerajaan juga memberikan bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam. Ini bermakna, kakitangan awam mendapat bonus sebulan gaji tahun ini.

Tahun lalu, kerajaan memberikan bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada kakitangan awam.